

# Peguam dakwa RM1j bayaran balik

## Saksi pendakwaan perlu bawa fail pendapatan, elaun Shahrir sejak 1978

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pasukan pembelaan dalam perbicaraan bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Samad yang dituduh terbabit pengubahan wang haram mendakwa RM1 juta yang diterima anak guamnya pada 2013 adalah wang bayaran balik.

Peguam Shahrir, Datuk Firoz Hussein Ahmad Jamaluddin, berkata atas sebab itu Penolong Pegawai Tadbir Tinggi Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen, Rosli Mat Jinun perlu membawa fail dokumen mengandungi pendapatan dan elaun Shahrir yang menjadi ahli Parlimen sejak 1978.

Fail yang perlu dikemukakan saksi pendakwaan pertama ber-

kenaan akan menyokong pendirian pihaknya bahawa RM1 juta itu bukan pendapatan yang dikenakan cukai.

“Pendapatan Tan Sri (Shahrir) sangat relevan. Beliau berhadapan dengan tuduhan di bawah AMLA (Akta Pengubahan Wang Haram) yang berkaitan kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Cukai Pendapatan.

“Kedudukan Shahrir adalah tidak pernah ada pengisytiharan pendapatan di mana RM1 juta itu adalah bayaran balik daripada tabung amanah membabitkan wang peribadi,” katanya pada prosiding semalam di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin.

Susulan itu, Rosli, 49, mengesahkan boleh membawa fail patan dan elaun tetap bulanan bekas Ahli Parlimen Johor Bahru itu untuk dikemukakan di mahkamah.

Bagaimanapun, Rosli ketika pemeriksaan balas oleh seorang lagi peguam Shahrir, Tan Sri Dzulkipli Ahmad, berkata ia tertakluk kepada kebenaran dan arahan selanjutnya daripada pihak atasan.

**Dzulkipli:** Menyediakan kenyataan (butiran) perkhidmatan anggota pentadbiran (Ahli Parlimen) menerusi salinan. Ia bukan dokumen berperingkat?

**Rosli:** Setuju.

**Dzulkipli:** Dokumen ditunjukkan menerusi fail?

**Rosli:** Fail biasa.


**Dzulkipli:** Boleh dibawa ke mahkamah jika ia fail biasa?

**Rosli:** Boleh, insya-Allah.

Shahrir, 72, didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram dengan cara tidak melaporkan pendapatan sebenar dalam borang cukai pendapatan, yang bertentangan Seksyen 113 (1) (a) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Beliau dituduh tidak mengisytiharkan pendapatan yang diterima daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berjumlah RM1 juta melalui sekeping cek yang kemudian dimasukkan ke dalam akaun bank milik tertuduh.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pem-



Shahrir tiba di Kompleks Mahkamah

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

biayaan Keganasan 2001 yang membawa hukuman denda tidak lebih RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau keduanya, jika sabit kesalahan.

**Tiada rekod percakapan**  
Sementara itu, Pengurus Per-

khidmatan Perbankan Public Bank Berhad Cawangan Tampoi, Chee Chia Chia, 34, berkata beliau tidak diklumukan oleh pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai siasatan kes pengubahan wang haram.

Saksi pendakwaan kelima itu dalam pemeriksaan balas oleh Dzulkipli berkata, beliau dirakam keterangan sekali oleh pegawai penyiasat terbabit di pejabatnya.

Bagaimanapun, beliau mengesahkan tidak direkod percakapan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), walaupun kes itu didakwa membabitkan kesalahan cukai.

Ketika pemeriksaan balas oleh seorang lagi peguam Shahrir, Shazreen Mohd Hatta; Chia ngan terma AMLA dan pernah menghadiri kursus berkaitan akta itu.

Saksi itu juga bersetuju dengan cadangan peguam itu bahawa Public Bank mempunyai unit AMLA sendiri yang ditempatkan di ibu pejabat.

Perbicaraan bersambung 8 Ogos ini.